

Seluar jeans lama jadi beg tangan



Aimi Nadzirah menunjukkan beg tangan **daripada jeans terpakai** semasa Sambutan Ulang Tahun Ke-6 PPSPPA di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur: Masyarakat kini perlu memahami, aktiviti kitar semula dalam kehidupan harian, sebenarnya mempunyai perspektif lebih luas yang memberi banyak manfaat.

Selain aktiviti jual beli barang lusuh seperti akhbar lama dan besi buruk, kreativiti mengubah suai pakaian usang juga sebahagian aktiviti kitar semula yang mampu memberi pulangan lumayan.

Idea seluar jeans terpakai

Keupayaan itu dibuktikan pelajar tahun akhir bidang kesusteraan bahasa Inggeris dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Aimi Nadzirah Yahya, 24, yang mengambil inisiatif menggunakan seluar jeans terpakai sebagai bahan utama untuk penghasilan beg tangan.

Penggunaan seluar terpakai itu, secara tidak langsung memberi kelainan kepada pelbagai rekaan dan bentuk beg tangan yang dihasilkan secara sambilan oleh gadis itu yang meraih pulang bersih sehingga RM1,000 sebulan.

Barangan terbabit kemudian dipasarkan menerusi media sosial seperti blog, Facebook dan Instagram, sebelum dikirimkan kepada pembeli menerusi pos, bagi menjimatkan kos.

“Saya belajar menjahit beg sendiri sejak berada di bangku sekolah. Ketika ini, bermatlamat memiliki beg yang mempunyai kelainan, berbanding yang dibeli rakan di kedai.

“Apabila saya membawa koleksi beg saya ketika menghadiri kuliah, ia menarik perhatian ramai rakan yang kemudian mula menempah

beg buatan seluar jeans ini, mendorong saya berniaga secara kecil-kecil sambil belajar sejak dua tahun lalu.

“Berikutan permintaan, selain beg, saya mula mempelbagaikan produk yang dihasilkan seperti sarung komputer riba dan bekas pensil selain mengikut permintaan pelanggan,” katanya.

Beliau ditemui ketika membuat promosi produk kitar semula sempena ulang tahun Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) yang keenam di Taman Tasik Titiwangsa, semalam.

Keluarga beri inspirasi

Aimi Nadzirah berkata, ibu bapanya turut memainkan peranan dalam memberi inspirasi kepada beliau untuk menghasilkan beg buatan seluar jeans terpakai itu.

“Saya juga ada membuat kajian mengenai proses penghasilan kain jeans oleh kilang yang banyak menggunakan bahan kimia. Justeru itu, daripada membuangnya, lebih baik kalau dimanfaatkan bagi penghasilan pelbagai barang lain yang lebih berguna,” katanya.

Beg tangan jeans yang mengambil masa tiga hari untuk disiapkan oleh Aimi Nadzirah, ketika ini ditawarkan pada harga antara RM10 hingga RM200 tertakluk kepada rekaan mengikut cita rasa orang ramai.

Orang ramai yang berminat mengetahui penghasilan beg tangan daripada jeans itu boleh melayari blog Aimi Nadzirah ener-ersi evaezira.wordpress.com atau facebook.com/evaezira.